

CNS6051

U EB 09-10 00219 BB084

aab

WUJUD PENDIRIAN BERSAMA PADA MESYUARAT BANK DUNIA: MAHATHIR

MKK - Mahathir (Bank)

I

(P)
KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihati menteri-menteri kewangan Komanwel supaya tidak akur kepada desakan Bank Dunia berhubung syarat-syarat baru bantuan dan pinjaman, sambil menegaskan bahawa mereka sepatutnya memahami masalah yang dihadapi oleh negara anggota yang lemah.

Mereka perlu memahami kesukaran yang dialami oleh negara lemah, yang merupakan penerima bantuan itu, katanya ketika merasmikan mesyuarat tahunan Menteri Kewangan Komanwel (MKK) di sini.

Beliau berkata sekiranya negara Komanwel bergabung dan mengambil pendirian bersama selepas mesyuarat MKK mendengar suara negara anggota yang lemah, adalah mungkin bagi Komanwel sebagai satu kumpulan atau negara anggota yang kuat untuk membantu menyuarakan rayuan anggota yang lemah.

+Suara negara anggota yang lemah perlu didengari kerana kini kita mendengar bahawa rundingan mengenai bantuan dan perdagangan dikaitkan dengan demokrasi, hak asasi, hak pekerja dan alam sekitar.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau berharap penyertaan para menteri di mesyuarat Komanwel ini tidak sekadar memenuhi masa kerana adalah menjadi kebiasaan bagi mereka bermesyuarat sebelum menemui menteri kewangan dan bank pusat daripada negara lain pada mesyuarat tahunan Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Mesyuarat tahunan Bank Dunia/IMF kali ini diadakan di Bangkok. -- Lagi

♥09/10/12-28MST

CNS6060

U EB 09-10 00170 BB085

aab

MKK - Mahathir (Bank) 2 Kuala Lumpur

+Saya berharap saudara-saudara akan mengadakan perbincangan yang bernas yang dapat membantu saudara menghargai masalah kewangan dan masalah lain yang dihadapi oleh Komanwel, memahami antara satu sama lain serta menggubal beberapa pendirian bersama yang akan menguntungkan negara-negara anggota secara keseluruhan,+ katanya.

Beliau berkata selalunya terdapat ketidak-samaan kuasa yang digunakan oleh negara-negara di dunia pada forum antarabangsa sehinggakan negara kecil merasa tersisir, suara mereka tidak diendahkan dan kepentingan mereka diketepikan.

Perdana Menteri berkata bantuan dan perdagangan merupakan dua perkara yang melibatkan semua menteri kewangan kerana negara kaya yang tidak memerlukan bantuan pun perlu menguruskan kewangan mereka dengan baik sekiranya mereka mahu mengekalkan kemewahan mereka.

+Jadi, janganlah kita terlalu gopoh untuk mengutuk sesuatu kegagalan dan mengenakan sekatan, tetapi sebaliknya kita perlu saling bantu membantu,+ katanya.

Sesetengah negara akan berjaya manakala sesetengah negara lain gagal dalam menguruskan kewangan mereka, katanya, sambil menambah bahawa Malaysia percaya kepada amalan belajar daripada kesalahan orang lain. -- Lagi

♥09/10/12-38MST

CNS6066

U EB 09-10 00122 BB086

aab

MKK - Mahathir (Bank) 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata pemiutang dan penerima bantuan perlu juga mengakui keperluan mereka untuk menerima tindakan-tindakan yang berasas.

+Tidak ada sesiapa yang akan membantu sekiranya bantuan itu dibelanjakan dengan boros atau digunakan untuk menindas sesebuah pemerintahan,+ katanya.

Perdana Menteri berkata penjadualan semula bayaran hutang tidak boleh diatasi hanya dengan meminta pemiutang berbelanja dengan cermat atau menghadkan pembangunan.

Negara yang memberi pinjaman dan agensi-agensi terbabit mesti sanggup memberikan petunjuk dan bantuan manakala pemiutang perlu menerima panduan dan bantuan yang diberikan itu, katanya.

Beliau juga menasihati negara yang memberi pinjaman supaya tidak menyekat bantuan atas alasan kononnya negara peminjam menindas hak asasi manusia. -- Lagi

♥09/10/12-54MST

CNS6067

U EB 09-10 00123 BB087

aab

MKK - Mahathir (Bank) 4 Kuala Lumpur

+Negara yang memberi pinjaman dan penerima pinjaman, dan kemungkinan adanya pihak ketiga, perlu mengkaji mengenai cara terbaik untuk terus memberi bantuan di samping mengawal penindasan hak asasi manusia,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata menteri kewangan Komanwel perlu komited kepada perdagangan bebas.

Di mana tidak terdapat penindasan kebebasan, demokrasi, hak asasi manusia, hak pekerja, kebebasan bercakap dan pencemaran alam sekitar, tidak ada perlunya diadakan perlindungan dan mematuhi peraturan perdagangan, katanya.

Status Sistem Keutamaan Am (GSP) tidak boleh dikaji semula semata-mata untuk melambatkan kadar pertumbuhan pembangunan,+ katanya.

Perdana Menteri berkata tidak patut ada usaha yang berterusan untuk mengenakan syarat-syarat baru bagi perdagangan. -- Lagi

♥09/10/12-56MST

CNS6081

U EB 09-10 00119 BB089

aab

MKK - Mahathir (Bank) 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Dengan adanya hakcipta harta intelek dan +Senarai Pemerhati+, beberapa negara yang lemah merasakan diri mereka sebagai penjenayah apabila diletakkan di bawah pengawasan.

Bagaimanapun, beliau berkata kini terdapat syarat-syarat baru kepada alam sekitar iaitu barangan perlu diguna semula.

Ini akan menjejaskan barangan pembuatan yang dieksport oleh negara-negara miskin yang menggunakan teknologi yang dipinjamkan dan mempunyai kapasiti yang terhad untuk menjadi lebih inovatif dan menyesuaikan diri kepada keadaan dan syarat-syarat baru.

Pada masa yang sama, negara-negara miskin yang juga menjadi pengeluar bahan mentah akan menjadi lebih miskin kerana permintaan bagi bahan itu akan berkurangan sekiranya barangan pembuatan diguna semula. --- Bernama

♥09/10/13-07MST